





27 Februari 2009 (Jumaat)

Kaji kenaikan tol: PM

Oleh Saidon Idris dan S Anand Kumar bhnews@bharian.com.my

INFO	
Kenaikan kadar tol lebuhraya konsesi	
	
Pantai	50 sen
Damansara	30 sen
	
Keramat	50 sen
	
Mines	10 sen
	
Pantai Dalam	40 sen
PJS 2	40 sen
PJS 5	40 sen
	
	0.68 sen setiap satu kilometer

Syarikat konsesi mesti prihatin situasi semasa

PATTAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan Kabinet mengkaji semula keputusan menaikkan kadar tol di lima lebuhraya yang diumumkan kerajaan semalam, kerana kenaikan itu yang sepatutnya berkuat kuasa Ahad ini tidak sesuai dengan situasi semasa. Perdana Menteri berkata, kenaikan kadar tol itu diputuskan Kabinet beberapa minggu lalu ketika keadaan ekonomi ketika itu berbeza. "Apa yang dibincangkan dan diputuskan itu dibuat dua tiga minggu lalu dan sejak itu keadaan ekonomi menjadi bertambah buruk. "Memandangkan rakyat sedang dalam kesusahan, pada masa sama kerajaan nak pastikan ekonomi dapat dirangsang, maka langkah menaikkan tol itu akan dibincangkan semula dengan mengambil kira situasi semasa," katanya kepada wartawan Malaysia selepas menghadiri mesyuarat ketiga Menteri Pertahanan Asean di sini, semalam.

Beliau mengulas kenaikan tol Lebuhraya Utara-Selatan (Plus), Lebuhraya Sistem Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (Sprint), Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (Akleh), Lebuhraya Sungai Besi (Besraya) dan Lebuhraya Baru Pantai (NPE) yang diumumkan Menteri Kerjaraya, Datuk Seri Mohd Zin Mohamed di Kuala Lumpur. Kenaikan kadar tol lima lebuhraya itu antara 0.68 sen hingga 50 sen, mengejutkan ramai pihak termasuk Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) kerana dianggap membebankan orang ramai. Abdullah berkata, mesyuarat mingguan Kabinet hari ini yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, akan membincangkan semula keputusan menaikkan kadar tol itu. "Sama ada nak tangguh atau apa sekalipun, tapi nyata sekali dalam keadaan semasa rakyat tidak dapat menerima keadaan ini. Justeru, Kabinet akan kaji semula dan membuat satu keputusan yang

wajar sama ada ini boleh dijadikan sebahagian pakej rangsangan (yang akan diumumkan 10 Mac ini) atau apa-apa pendekatan lain yang boleh diambil," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan bahawa keputusan kerajaan sebelum ini untuk membenarkan kenaikan tol itu dibuat sejajar dengan perjanjian konsesi dengan pengendali lebuhraya terbabit kerana sudah tiba masanya kadarnya dikaji semula. Beliau berkata, syarikat terbabit ketika ini turut menerima beban daripada keadaan ekonomi semasa. Terdahulu, Mohd Zin pada sidang media di pejabatnya, mengumumkan kadar tol bagi sistem kutipan tol tertutup di Lebuhraya Plus dinaikkan 0.68 sen sekilometer bagi kenderaan Kelas 1 (kereta dan kenderaan penumpang). Bagaimanapun, kenaikan itu tidak membabitkan Plaza Tol Bukit Kayu Hitam di Kedah serta Tambak Johor dan Bangunan Sultan Iskandar, Johor. Kadar tol di Lebuhraya Sprint-Kerinci dan Damansara Link pula dinaikkan antara 30 sen dan 50 sen bagi kenderaan Kelas 1, manakala Akleh (50 sen), NPE (40 sen) dan Besraya (10 sen).

Bagaimanapun, bayaran tol Besraya hanya dikenakan di Plaza Tol Mines kerana Plaza Tol Salak Jaya sudah ditutup mulai Selasa lalu. Kadar tol bagi bas di lebuhraya berkenaan pula kekal 70 sen. Sambil menyifatkan kenaikan itu kecil, Mohd Zin memberi contoh pengguna kenderaan Kelas 1 yang membuat perjalanan menggunakan lebuhraya Plus dari Jalan Duta ke Bukit Raja sejauh 34 kilometer hanya perlu membayar tambahan tol sebanyak 30 sen saja, iaitu daripada RM4.60 kepada RM4.90. "Pengguna Lebuhraya Besraya dari Jalan Istana ke Pekan Sungai Besi pula tidak perlu membayar tol berikutan pemansuhan Tol Salak Jaya. Begitu juga di NPE, kerajaan sudah memansuhkan kutipan tol di Plaza Tol PJS 2 menghala ke Kuala Lumpur, bermula 13 Februari lalu. "Penutupan kedua-dua tol itu meringankan beban hampir 10,000 pengguna, terutama penduduk yang menetap berhampiran plaza tol berkenaan," katanya.

Mengenai kenaikan kadar tol membabitkan Plus, Sprint dan Akleh, Mohd Zin berkata ia sepatutnya dinaikkan pada 1 Januari tahun lalu, tetapi ditangguhkan sehingga esok. Berikutan penangguhan itu, kerajaan terpaksa membayar pampasan RM245 juta kepada ketiga-tiga pemegang konsesi berkenaan, iaitu Plus (RM177 juta), Sprint (RM38 juta) dan Akleh (RM30 juta). "Bagi lebuhraya Sprint dan Akleh, kenaikan kadar tol adalah minimum kerana kadar tol kedua-dua lebuhraya ini tidak pernah dinaikkan sejak beroperasi pada 2001. Begitu juga NPE yang tidak menyaksikan sebarang kenaikan kadar tol sejak beroperasi pada 2004," katanya.

Mohd Zin berkata, kenaikan kadar tol itu tidak seharusnya dilihat sebagai membebankan kerana mutu dan kualiti lebuhraya di negara ini terjamin, selain menjadi laluan alternatif terbaik bagi mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di sesuatu kawasan. "Kerajaan akan sentiasa mengambil langkah yang perlu khususnya membabitkan perjanjian dengan pengendali lebuhraya kerana memahami bahawa perjalanan pentadbiran kerajaan harus berteraskan kepada ketelusan," katanya.

27 Februari 2009 (Jumaat)

UUM IPTA terbaik pengurusan sumber

Oleh Rosniza Mohd Taha

UNIVERSITI Utara Malaysia (UUM) muncul universiti terbaik dari segi kemampuan mengurus menggunakan sumber sendiri berbanding institusi pengajian tinggi awam (IPTA) lain. Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr Zulkefli A Hassan, berkata 25 peratus perbelanjaan mengurus universiti itu dibiayai menerusi sumber kewangan dalaman berbanding universiti lain hanya 12 peratus. Katanya, kementerian meletakkan sasaran 30 peratus perbelanjaan mengurus semua IPTA dijana sendiri universiti, manakala 70 peratus lagi dibiayai kerajaan menjelang 2020.

‘Sehingga kini UUM mencatatkan kedudukan terbaik dalam membiayai perbelanjaan mengurus menerusi sumber yang diperoleh seperti ditetapkan kementerian. “IPTA perlu meningkatkan keupayaan menjana pendapatan sendiri termasuk menerusi pengkomersialan hasil penyelidikan bagi meningkatkan dana. “Kerajaan akan mengurangkan peruntukan perbelanjaan pembangunan dan mengurus kepada semua IPTA pada masa depan,” katanya berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan UUM, di Sintok, baru-baru ini.

Hadir sama Naib Canselor UUM, Tan Sri Dr Nordin Kardi dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa UUM, Prof Dr Razak Chik. Zulkefli berkata, keupayaan universiti itu menjana pendapatan sendiri dengan memanfaatkan kepakaran anak syarikat universiti, iaitu SerindIT.Com dalam bidang teknologi maklumat disokong Kementerian Pengajian Tinggi. Beliau berkata, kejayaan meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa turut menyumbang pendapatan universiti itu. “Perangkaan Pengajian Tinggi Malaysia 2007 menunjukkan enrolmen pelajar antarabangsa UUM pada 2002 hanya 225, meningkat 627 (2005), dan 2,178 (2007), sekali gus mencapai kuota lima peratus di peringkat ijazah sarjana muda,” katanya.

Pada perkembangan berkaitan, Zulkefli turut melawat tapak projek tambahan pembangunan UUM bernilai RM229 juta yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Antaranya, bangunan perpustakaan, akademik, dewan kuliah, pusat Islam, pusat kegiatan pelajar dan medan selera.

27 Februari 2009 (Jumaat)

PPZ, MAIWP taja akhbar, buku sejarah untuk sekolah sekitar KL

Oleh Rosniza Mohd Taha yoniza@bharian.com.my



MUSTAFA (tengah) bersama pengetua dan guru besar meneliti akhbar Berita Harian pada majlis penajaan akhbar berkenaan kepada sekolah terpilih, baru-baru ini.

PUSAT Pungutan Zakat (PPZ) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) memperuntukkan kira-kira RM33,000 bagi menaja akhbar dan buku sejarah kepada sekolah terpilih di sekitar Kuala Lumpur. Daripada jumlah itu, sebanyak RM20,000 digunakan untuk penaja akhbar Berita Harian dan New Straits Times masing-masing diagihkan kepada empat sekolah pada Selasa, Rabu dan Khamis setiap minggu sejak 22 Januari lalu hingga minggu terakhir sebelum peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah, Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia. Penerima terbabit ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sg Besi, SMK Yaakob Latif dan SMK Zon R1 Wangsa Maju, manakala Sekolah Kebangsaan Seri Nilam Taman Koperasi Polis terpilih menerima tajaan itu kerana berjaya meningkatkan jumlah pembayar zakat menerusi potongan gaji di kalangan kakitangan mereka.

Sebanyak 20 sekolah menerima set buku sejarah negara bernilai RM1,000 setiap satu bagi membolehkan mereka meluaskan pengetahuan mengenai sejarah negara serta perjuangan tokoh kemerdekaan. Pengerusi PPZ, Datuk Mustafa Abdul Rahman, berkata pihaknya akan memberikan bantuan kewangan kepada sekolah untuk menganjurkan program kecemerlangan dan pembangunan sahsiah pelajar. Katanya, keutamaan akan diberikan kepada sekolah yang mempunyai ramai pelajar bermasalah supaya program berkenaan dapat dilaksanakan khusus bagi golongan pelajar terbabit.

Beliau berkata, kerjasama diberikan bagi program meningkatkan kecemerlangan sahsiah itu untuk membantu mengurangkan masalah sosial yang semakin ketara di kalangan pelajar ketika ini. "PPZ bersedia menimbangkan bantuan kewangan sekiranya ada program yang boleh meningkatkan kecemerlangan pelajar di sekolah rendah dan menengah. "Diharap menerusi dianjurkan ini akan timbul kesedaran untuk pelajar berubah kepada perlakuan baik serta mengambil berat mengenai pelajaran mereka," katanya pada sidang media selepas Majlis Tajaan Akhbar dan Penyerahan Buku Sejarah Kepada Sekolah Terpilih Di Wilayah Persekutuan, baru-baru ini. Hadir sama, Pengurus Besar PPZ MAIWP, Mohd Rais Alias. Sementara itu, Mohd Rais, berkata PPZ mensasarkan kutipan zakat menerusi potongan gaji warga pendidik di Wilayah Persekutuan meningkat kepada RM1 juta tahun ini berbanding RM694,947 tahun sebelumnya.

Bagi merealisasikan hasrat itu, katanya, pihaknya akan berbincang dengan pengetua sekolah dalam usaha menggalakkan lebih ramai warga pendidik dan kakitangan menunaikan bayaran zakat menerusi potongan gaji. "Pada tahun lalu hanya 967 kakitangan dari 160 sekolah sekitar Kuala Lumpur membuat pembayaran zakat menerusi potongan gaji sedangkan jumlah sebenar warga pendidik di sekolah rendah dan menengah seramai 19,095 orang," katanya.

27 Februari 2009 (Jumaat)

Sabah & Sarawak: MPIB, SLDB maju 15,000 hektar tanaman nanas

Oleh Suzianah Jiffar suzianah@bharian.com.my

Projek pasaran antarabangsa boleh tangani kemiskinan

KOTA KINABALU: Lembaga Industri Nanas Malaysia (MPIB) bercadang memajukan kawasan seluas 15,000 hektar di Sabah dan Sarawak dengan tanaman buah berkenaan berdasarkan permintaan yang tinggi di pasaran antarabangsa. Untuk tujuan itu, MPIB akan bekerjasama dengan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (SLDB) dan pihak berkuasa di Sarawak berdasarkan kesesuaian tanah di kedua-dua negeri berkenaan.

Pengerusinya, Datuk Hasni Mohammad, berkata Sabah mempunyai kawasan luas untuk berfungsi sebagai antara negeri pengeluar nanas utama di negara ini, selain Semenanjung. "Nanas negara ini mendapat permintaan yang tinggi di pasaran antarabangsa seperti Timur Tengah. MPIB juga mendapat permintaan yang baik dari Korea Selatan dan Jepun," katanya di sini semalam. Beliau berkata, usaha memperluas tanaman berkenaan di Semenanjung sukar berikutan faktor tanah terhad. Katanya, bagi menjayakan cadangan itu, MPIB dengan kerjasama kerajaan negeri akan berusaha memperluas Akta Industri Nanas ke negeri ini dan Sarawak dan jika ia diluluskan Parlimen tahun ini, usaha memajukannya akan dimulakan awal tahun depan.

Beliau berkata, industri berkenaan mampu dilaksanakan secara berkelompok atau koperasi bertujuan membantu masyarakat luar bandar menikmati peningkatan pendapatan, sekali gus mengeluarkan mereka daripada belunggu kemiskinan. MPIB katanya, bersedia menyediakan bantuan kewangan dan khidmat teknikal untuk membolehkan nanas ditanam secara sempurna bagi menjamin kuantiti dan kualiti, selain membeli hasil berkenaan untuk diproses. Beliau berkata, bagi setiap empat hektar yang ditanam dengan nanas, pengusaha mampu memperoleh pendapatan antara RM4,000 hingga 5,000. Sementara itu difahamkan, sebagai permulaan, MPIB dan SLDB akan bekerjasama memajukan kawasan seluas 40 hektar di Ulu Bongawan, dekat Papar sebelum diperluas di Sipitang, Beaufort dan Nabawan. Untuk tujuan itu, kedua-dua pihak berusaha mengenal pasti kawasan yang sesuai di ketiga-tiga daerah berkenaan.

27 Februari 2009 (Jumaat)

Utara: Dua minggu maklum balas aduan

Oleh Ridzuan Yop bhnews@bharian.com.my

MB mahu pastikan pentadbiran berkesan, kurang kerenah birokrasi

IPOH: Semua aduan serta laporan masalah yang dikemukakan oleh rakyat kepada kerajaan negeri melalui pelbagai agensi serta jabatan terbabit di negeri ini akan diberi maklum balas

dalam tempoh dua minggu. Menteri Besar, Datuk Dr Zambry Abdul Kadir, berkata maklum balas dalam tempoh berkenaan adalah wajar serta penting bagi memberitahu kepada pengguna atau rakyat bahawa masalah mereka sudah diberi perhatian.

Beliau berkata, kerajaan negeri tidak mahu aduan serta laporan yang dibuat rakyat mengenai beberapa masalah tidak diproses dalam tempoh masa yang sepatutnya atau mungkin mengambil masa berbulan atau bertahun. "Walaupun masalah yang dikemukakan rakyat mungkin mengambil masa lebih lama untuk diselesaikan, sekurang-kurangnya kerajaan negeri melalui pihak berkuasa terbabit dapat memaklumkan kepada rakyat bahawa aduan mereka sudah diberi perhatian. "Ia juga untuk memastikan pentadbiran kerajaan negeri yang lebih efektif dan berkesan serta mengurangkan kerenah birokrasi," kata pada sidang media selepas menerima kunjungan hormat Veteran Umno Perak, di pejabat Menteri Besar, di sini semalam.

Dr Zambry berkata, keputusan itu dicapai pada mesyuarat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) yang dipengerusikan beliau yang diadakan di Pejabat Daerah Teluk Intan, di sini kelmarin. Beliau berkata, jika rakyat yang mengemukakan aduan tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh itu, mereka diminta bertanya atau mendapat penjelasan daripada pihak yang terbabit. Katanya, pada mesyuarat Exco itu, kerajaan negeri membuat keputusan semua projek di Perak perlu dilaksanakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan bagi mengelak berlakunya kos tambahan.

"Jika projek itu perlu disiapkan dalam tempoh setahun ia perlu disiapkan dalam tempoh itu kerana kerajaan negeri tidak mahu wujud kos tambahan daripada RM10 juta menjadi RM15 juta kerana kelewatan menyiapkan projek. "Jadi kita (kerajaan negeri) membuat peraturan tidak membenarkan berlaku perubahan kos yang tidak perlu," katanya.

Sementara itu, katanya, kerajaan negeri meluluskan peruntukan sebanyak RM15 juta bagi membina jambatan baru menggantikan Jambatan Sultan Iskandar Shah, dekat sini yang sudah dibina agak lama.

27 Februari 2009 (Jumaat)

Utara: Buat laporan mesin imbas tidak fungsi

SINTOK: Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Senator T Murugiah mengarahkan pihak berkuasa yang mengendalikan mesin pengimbas di semua pintu masuk negara mengemukakan laporan keadaan peralatan itu untuk memastikan ia berfungsi dengan baik. Katanya, kerajaan mahukan laporan lengkap supaya mesin yang rosak atau sudah tidak sesuai lagi digunakan, diganti segera bagi mengekang penyeludupan bahan larangan, terutama senjata api dan dadah. Beliau berkata, Bahagian Keselamatan di JPM sedang menjalankan pemeriksaan terhadap semua mesin pengimbas di pintu masuk negara, termasuk di lapangan terbang untuk memastikan ia berfungsi dengan baik. Murugiah juga kesal kerana peralatan di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Bukit Kayu Hitam yang rosak sejak hampir empat tahun lalu masih belum diganti.

"Mesin pengimbas amat penting sebagai pelengkap kepada pemeriksaan lain kerana jika ia tidak berfungsi mungkin ada pihak mengambil kesempatan menyeludup senjata api. "Jika kita terlalu bergantung kepada pemeriksaan secara manual, saya percaya tentu akan ada kecacatannya," katanya selepas berdialog dengan wakil syarikat kawalan keselamatan di sini, kelmarin.

27 Februari 2009 (Jumaat)

Hentikan amalan lantik semula pegawai pencen

Laporan Ahmad Naim Tahir, Syuhada Choo Abdullah dan Norliza Wasilan



Peluang patut diberi kepada kakitangan masih berkhidmat

KUALA LUMPUR: Kerajaan diminta menghentikan amalan melantik pegawai pengurusan kanan sektor awam daripada kakitangan yang sudah tamat perkhidmatan atau berpenčen, sebaliknya memberi peluang kepada kakitangan sedang berkhidmat. Sambil menyifatkan masih ramai kakitangan awam mempunyai kemampuan dilantik ke jawatan berkenaan, Datuk Wira Ahmad Hamzah (BN-Jasin) menyarankan kerajaan tidak lagi menyambung kontrak pegawai kanan berkenaan. "Sesetengah kakitangan yang sudah berpenčen pun diambil semula seolah-olah sudah tiada orang lain untuk jawatan tertentu," katanya ketika membahaskan titah ucapan Yang di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat, semalam.

Sehubungan itu, beliau berharap jawatan pengurusan kanan dalam sektor awam diberikan kepada mereka yang sedang berkhidmat, bukan kalangan yang dilanjutkan kontrak. "Pelantikan pegawai sedia ada akan menjana lebih banyak peluang pekerjaan kepada pegawai baru serta menghargai mereka yang sudah lama berkhidmat sebagai penjawat awam.

"Penjawat awam banyak berjasa tetapi tak boleh nak sampaikan masalah mereka. Mereka sekadar menangis dalam senyap... kenaikan pangkat terhad. "Yang atas-atas (pegawai kanan), boss-boss... kontrak mereka dilanjutkan, (kontrak) ketua pengarah kita lanjutkan, sedangkan peluang itu sepatutnya diberikan kepada orang lain yang juga ada kemampuan," katanya.

Pendapat itu disokong Datuk Ismail Abdul Mutalib (BN-Maran) yang kluatir amalan berkenaan boleh menjatuhkan moral kakitangan lain. Datuk Ismail Kassim (BN-Arau) pula berpendapat keadaan itu tidak timbul jika sektor awam mempunyai barisan pelapis berpengalaman yang sudah berkhidmat sejak awal di pelbagai jabatan dan kementerian.

27 Februari 2009 (Jumaat)

Peniaga mengadu kelulusan projek banyak 'flip-flop'



Azmi Khalid

JAWATANKUASA Kira-Kira Wang Negara (PAC) menerima banyak aduan daripada peniaga berhubung masalah yang dirujuk sebagai 'flip-flop' (berkecamuk) berpunca daripada ketidaksepakatan agensi kerajaan meluluskan projek. Pengerusinya, Datuk Seri Azmi Khalid (BN-Padang Besar), bersetuju keputusan flip-flop, iaitu bahasa yang sering digunakan pengendali blog memang menyusahkan peniaga.

"Ini kerana berlaku pemusatan berlebihan kepada satu atau dua kementerian. Kuasa menteri pula terhad dalam soal kelulusan projek lalu berlakulah flip flop. "Ia berlaku apabila satu agensi menentang dan satu agensi lulus. (Peniaga) dapat surat tawaran pelantikan, esoknya pula dapat surat pembatalan. Inilah masalah dihadapi peniaga dan PAC terima banyak aduan mengenainya," katanya.

Mendedahkan perkara itu ketika membahaskan titah Yang di-Pertuan Agong, Azmi berkata, kerajaan tidak boleh lagi membenarkan situasi berkenaan berterusan kerana ia boleh memberi banyak masalah kepada peniaga. Beliau mencadangkan kerajaan memperkasakan Biro Pengaduan Awam (BPA) yang ditubuhkan 30 tahun lalu supaya mempunyai kuasa yang lebih efektif. "Sekarang, BPA tak ubah seperti pejabat pos apabila menerima aduan dan mengemukakan ke jabatan berkaitan tanpa susulan terhadap laporan berkenaan," katanya.

Katanya, sistem Majlis Gerakan Negara (Mageran) sebelum ini yang menugaskan pegawai tentera memantau agensi kerajaan, mengumpul masalah yang timbul dalam pelaksanaan projek dan memaklumpkannya kepada Perdana Menteri wajar diwujudkan kembali.

27 Februari 2009 (Jumaat)

'Serah senarai lengkap faedah kepada LHDN'

SHAH ALAM: Perbadanan Menteri Besar (MBI) semalam mengarahkan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) menyerahkan senarai lengkap faedah dan kemudahan yang diberikan kepada pekerjanya pada tahun sebelum ini kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Arahan itu dikeluarkan selepas PNSB didapati tidak mengisi Borang EA bagi mengisytiharkan keuntungan beberapa tahun lalu kepada LHDN.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang juga pengerusi MBI dan PNSB, berkata langkah itu bagi memastikan anak syarikat kerajaan negeri tidak mengingkari undang-undang supaya membayar cukai pendapatan. Katanya, selama beberapa tahun PNSB memberikan faedah dan keuntungan kepada pekerja termasuk Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah dalam bentuk barangan, wang tunai atau kedua-duanya, seperti kereta dan pemandu di samping percutian dalam serta luar negara.

"Faedah melancong diberikan kepada semua kakitangan, manakala kereta dengan pemandu diberikan kepada Ketua Eksekutif dan Pengarah, Pengurus Kanan dan Pengurus. "Sekumpulan penasihat lantikan MBI kini melakukan penilaian terhadap prestasi PNSB. Dalam proses ini didapati pengerusi sebelum ini, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo pernah diberikan kereta Toyota Harrier pada 2005 dan disediakan seorang pemandu pada 2006," katanya dalam satu kenyataan, di sini.

Abdul Khalid berkata, Dr Mohamad Khir menggunakan semua faedah sehingga bersara selaku Pengerusi PNSB pada Mac 2008. Bagaimanapun, katanya, tiada kemudahan yang dinyatakan dalam borang EA diserahkan PNSB sebelum ini. Beliau berkata, kemudahan petrol dan penyelenggaraan kereta Harrier juga ditanggung PNSB.

Dr Mohamad Khir ketika diminta mengulas berkata, beliau layak mendapat kemudahan itu ketika berkhidmat sebagai Pengerusi PNSB. "Ia adalah prosedur standard. Jika saya membayar cukai kereta, ia akan menjadi bayaran berganda kepada LHDN kerana syarikat juga membayarnya," katanya.

28 Februari 2009 (Sabtu)

Timur: Blok baru MRSM tiada CF

Oleh Zarina Abdullah bhkt@bharian.com.my

Bangunan RM20j sudah siap sejak tiga tahun lalu

KUALA BERANG: Walaupun sudah siap tiga tahun lalu, blok baru asrama dan kelas Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kuala Berang masih belum dapat diduduki kerana dipercayai belum mendapat sijil layak menduduki (CF). Blok bangunan yang dibina dengan kos kira-kira RM20 juta itu dijangka mampu menampung kira-kira 300 pelajar, tetapi disebabkan masalah itu jumlah pengambilan pelajar MRSM berkenaan yang sepatutnya menjangkau 800 pelajar terpaksa dihadkan. Masalah itu turut mendapat perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuala Berang, Mohd Zawawi Ismail yang kesal kerana ia satu kerugian terhadap sektor pendidikan negeri.

"Disebabkan masalah itu, ramai pelajar yang sepatutnya berpeluang melanjutkan pengajian mereka di sekolah berkenaan tidak dapat meneruskan cita-cita mereka kerana jumlah pengambilan pelajar yang terhad. "Jika bangunan ini boleh digunakan, jumlah pelajar yang

boleh diambil sepatutnya bertambah tetapi yang berlaku adalah sebaliknya," katanya ketika meninjau MRSM terbabit semalam.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains, Teknologi dan Sumber Manusia negeri, berharap pihak berkenaan dapat menyelesaikan masalah itu bagi mengelakkan pembaziran. Katanya, MRSM itu sepatutnya menjadi tempat untuk Terengganu melahirkan lebih ramai pelajar cemerlang, tetapi masalah berkenaan menyebabkan usaha itu terbantut. "Keadaan ini sangat mengecewakan. Saya bukan hanya bercakap sebagai wakil rakyat tetapi juga sebagai bapa yang kecewa dan berharap tindakan segera daripada pihak berkenaan," katanya.

Mohd Zawawi berkata, beliau difahamkan pembinaan bangunan itu yang bermula pada 2002 dan siap pada 2005, tetapi tidak dapat digunakan sehingga kini kerana masalah mendapatkan CF. Sementara itu, Pengetua MRSM berkenaan, Zainal Yunus, enggan mengulas isu berkenaan dan menyerahkannya kepada pihak berkaitan untuk menyelesaikannya bagi memastikan bangunan itu dapat dimanfaatkan dan menjadi satu pembaziran.

28 Februari 2009 (Sabtu)

Kabinet tangguh naik tol

Oleh Saidon Idris, Johari Ibrahim dan Faiza Zainudin hnews@bharian.com.my



NAJIB pada sidang media di Kementerian Kewangan, di Putrajaya, semalam.

Keputusan tiada kaitan dua pilihan raya kecil: PM

PUTRAJAYA: Kabinet bersetuju menangguhkan kenaikan kadar tol di lima lebuhraya yang sepatutnya berkuat kuasa esok, sehingga ke satu masa yang akan diputuskan kemudian. Keputusan itu dipersetujui pada mesyuarat Jemaah Menteri yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di sini, semalam.

Di HUA HIN, Thailand, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata penangguhan itu dibuat atas pertimbangan untuk meringankan beban rakyat dan tiada kaitan dengan pilihan raya kecil kerusi Parlimen Bukit Gantang, Perak dan Dewan Undangan Negeri Bukit Selambau, Kedah, April ini. Bercakap kepada media Malaysia, Perdana Menteri berkata, Kabinet diarah membincangkan semula keputusan menaikkan kadar tol itu kerana ia tidak sejajar dengan tumpuan kerajaan untuk membantu rakyat menerusi pakej rangsangan ekonomi yang akan

dibentangkan di Parlimen, 10 Mac ini. "Kenaikan itu juga nampaknya menerima tentangan yang kuat, ramai yang tidak bersetuju, jadi kabinet buat keputusan untuk menangguhkannya," katanya yang berada di bandar peranginan 240 kilometer dari Bangkok bagi menghadiri Sidang Kemuncak Asean.

Kelmarin, Menteri Kerjaraya, Datuk Seri Mohd Zin Mohamed, mengumumkan kadar tol di Lebuhraya Utara-Selatan (Plus), Lebuhraya Sistem Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (Sprint), Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (Akleh), Lebuhraya Sungai Besi (Besraya) dan Lebuhraya Pantai Baru (NPE) akan dinaikkan antara 0.68 sen hingga 50 sen. Bagaimanapun, Perdana Menteri mengarahkan Kabinet mengkaji semula keputusan itu kerana kenaikan kadar tol berkenaan tidak sesuai dengan keadaan ekonomi sekarang. Abdullah berharap rakyat menghargai keputusan menangguhkan kenaikan kadar tol itu kerana kerajaan terpaksa menanggung beban yang besar, iaitu hampir setengah bilion ringgit sebagai bayaran pampasan kepada pemegang konsesi lebuhraya terbabit.

Mengenai cadangan sesetengah supaya kerajaan mengambil alih konsesi lebuhraya, beliau berkata, langkah itu memerlukan kajian mendalam kerana ia membabitkan perbelanjaan yang sangat besar. Sambil berharap rakyat memahami beban yang ditanggung kerajaan ketika keadaan ekonomi yang sukar, Perdana Menteri berkata, kerajaan perlu berbelanja secara berhemah kerana ia juga perlu berbelanja untuk banyak projek pembangunan lain.

Najib pada sidang medianya pula menjelaskan tempoh penangguhan kenaikan kadar tol itu akan bergantung kepada keupayaan kerajaan menanggung kos tambahan sebagai subsidi kepada pemegang konsesi lebuhraya terbabit. "Ia ditangguhkan ke satu masa yang tidak ditetapkan, kita tidak tahu lagi (tarikh menaikkan kadar tol), bergantung kepada keupayaan kerana dengan tidak menaikkan kadar tol, kerajaan terpaksa menyediakan tambahan hampir RM0.5 bilion dan itu adalah wang pembayar cukai," katanya.

Najib berkata, kadar kenaikan tol yang diumumkan kelmarin adalah sederhana dan kerajaan perlu mengeluarkan subsidi yang agak besar serta bertambah setiap tahun. "Bagaimanapun, orang ramai menentang kenaikan dan itu kita faham, jadi kerajaan mengambil keputusan tidak menaikkan (kadar tol) tetapi ia juga bermakna kita perlu menyediakan lebih banyak wang untuk pampasan," katanya.

Diminta menjelaskan tarikh yang tidak ditetapkan itu, Najib berkata, ia tidak bermakna kadar tol akan dinaikkan akhir tahun ini, sebaliknya keputusan akan dibuat pada masa yang sesuai. Terdahulu, Mohd Zin pada sidang media di Kuala Lumpur, berkata kenaikan kadar tol di lima lebuhraya itu ditangguhkan sehingga akhir tahun ini. Berikutan keputusan itu, Plus akan menerima pampasan sebanyak RM195 juta, Sprint (RM36 juta), Akleh (RM27 juta), NPE (RM20 juta) dan Besraya (RM9 juta). Pampasan itu dibayar di atas penangguhan mulai 1 Januari hingga 31 Disember 2009. Ditanya sama ada kerajaan bercadang mengambil alih Plus dengan membeli 35 peratus saham minoriti supaya kadar tol tidak perlu dinaikkan lagi, Mohd Zin berkata: "Kita kena tengok kemampuan kerajaan dan prinsip penswastaaan, siapa yang terbabit pemegang saham, bukan saja perkara teknikal tetapi kewangan juga," katanya.

1 Mac 2009 (Ahad)

Keluasan tapak hab halal Tanjung Manis ditambah

KUCHING: Keluasan tapak hab halal Tanjung Manis di Bahagian Mukah yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, 18 Februari lalu akan ditambah antara 4,000 hingga 7,000 hektar. Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata keputusan itu diambil selepas tapak asal seluas 16,000 hektar iaitu terbesar di rantau ini tidak mencukupi untuk menampung permintaan pelabur asing yang sudah menyatakan minat melabur di hab halal berkenan.

“Kerajaan negeri mengambil keputusan untuk menambah keluasan tapak hab halal Tanjung Manis yang berada dalam kawasan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (Score) dalam masa terdekat. “Kita ingin menarik lebih ramai pelabur asing bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan,” katanya ketika berucap pada Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman Penganugerahan Projek, Assar Senari Group dengan STIDC Industrial Complex Dua (Asic Dua) di Tanjung Manis, Mukah, di sini kelmarin.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Komunikasi Tan Sri Alfred Jabu Numpang; Menteri Perancangan dan Pengurusan Sumber Dua, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hassan dan Pengerusi Assar Senari Group Tan Sri Bujang Mohd Nor. Abdul Taib berkata, beberapa ladang baru kelapa sawit akan dibuka di bahagian hulu Sungai Rajang dan kerja memproses buah akan dilakukan di kilang berkaitan di Tanjung Manis.

2 Mac 2009 (Isnin)

Timur: R&R Kuala Balah tiada bekalan air gagal beroperasi

Oleh Hasni Zadi Che Husain bhkb@bharian.com.my

JELI: Kemudahan Hentian Rehat dan Rawat (R&R) yang siap dibina untuk pengguna jalan raya yang melalui Kuala Balah di sini, kini menjadi projek gajah putih apabila gagal dibuka dan beroperasi walaupun siap sepenuhnya sejak September tahun lalu. Kegagalan R&R yang dibangunkan dengan kos RM250,000 itu beroperasi disebabkan ketiadaan bekalan air, menyebabkan penyewa empat lot niaga yang dibina di situ tidak dapat memulakan perniagaan mereka.

R&R Kuala Balah itu terletak di laluan antara Jeli dengan Gua Musang yang sering menjadi pilihan pemandu yang mahu mengelak kesesakan di Jalan Kuala Krai dan Gua Musang terutama ketika musim perayaan. Selain itu, laluan terbabit juga banyak dilalui pelancong yang mahu menuju ke kawasan peranginan air terjun tertinggi di Asia yang terletak dekat Gunung Stong. Kelewatan pembukaan R&R menimbulkan kebimbangan penduduk terhadap kemungkinan ia menjadi lokasi gejala sosial di kalangan anak muda tempatan yang semakin ramai melepak di kawasan terbabit terutama sebelah petang dan malam.

Penduduk berdekatan, Yaacob Jusoh, 72, berkata hentian terbabit yang sudah dilengkapi kemudahan elektrik itu dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed, yang juga Ahli Parlimen Jeli pada akhir tahun lalu. "Projek itu sudah siap, perasmian pun sudah dibuat tetapi sehingga kini belum ada penyewa yang memulakan perniagaan masing-masing di R&R ini. Jika terus terbiar tanpa ada orang berniaga, kita bimbang lama kelamaan akan jadi tempat melepak," katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuala Balah, Datuk Ab. Aziz Derashid ketika dihubungi mengesahkan masalah bekalan air yang menyebabkan R&R Kuala Balah itu belum dapat dibuka dan beroperasi. "Saya sudah hubungi syarikat Air Kelantan Sendirian Berhad (AKSB) memohon supaya bekalan air segera disalurkan ke hentian terbabit bagi membolehkan penyewanya dapat berniaga dengan segera. "Tanpa bekalan air, ia akan menyukarkan peniaga gerai makanan dan minuman beroperasi di situ," katanya.

2 Mac 2009 (Isnin)

Timur: RM40j pakej rangsangan ekonomi Kelantan

KOTA BHARU: Kelantan mendapat manfaat daripada pakej rangsangan ekonomi Kerajaan Pusat, apabila sebanyak RM40 juta diperuntukkan bagi meneruskan pelbagai projek pembangunan untuk rakyat di negeri ini. Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan, Datuk Shukry Mohd Salleh, berkata peruntukan terbabit disalurkan kerajaan Pusat bagi melaksanakan Program Pembangunan Infrastruktur Asas dan Program Pembangunan Infrastruktur Awam.

"JPP yakin pelaksanaan projek pembangunan itu bukan saja memberi manfaat yang besar kepada rakyat, malah mampu merancakkan lagi kegiatan ekonomi di negeri ini, khususnya ketika berdepan kelembapan ekonomi. "Dalam pakej rangsangan ini, manfaat juga turut dirasai agensi lain seperti Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kesihatan yang turut mendapat sejumlah peruntukan," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan Seminar Penggerak Masyarakat Bangkit Memerangi Ancaman Dadah anjuran Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK) di sini, semalam. Hadir sama Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) AADK, Tanasegaran Sinnathambi dan Pengarah AADK Kelantan, Mohzan Ibrahim.

Sementara itu, mengulas mengenai seminar yang diadakan dengan kerjasama AADK itu, beliau berkata, seramai 3,000 penggerak masyarakat di negeri ini ditugaskan untuk membantu memerangi dadah.

"Pada program ini, seramai 300 penggerak masyarakat turut mengambil bahagian yang mana mereka akan terbabit dalam usaha memerangi dadah dengan memberi ilmu agama serta bimbingan kepada masyarakat pada peringkat awal lagi. "Ada penggerak yang akan memainkan

peranan di surau dengan memberi kuliah agama, mengajar Al-Quran selain terbabit dalam apa juga aktiviti berbentuk keagamaan," katanya.

Beliau berkata, bagi menjayakan program berkenaan, penggerak berkenaan turut dibayar elaun oleh JPP bagi memastikan mereka dapat melaksanakan tanggungjawab secara berkesan

2 Mac 2009 (Isnin)

Timur: Petani minta Kada musnah gondang emas

BACHOK: Lebih 20 petani dari Bendang Rusa dan Bendang Cherbu dekat Kampung Kuchelong, di sini, diancam serangan gondang emas iaitu sejenis siput yang memakan pucuk dan batang padi sehingga menyebabkan lebih 48 hektar kawasan tanaman padi di situ dikhuatiri terjejas. Sehubungan itu, petani di dua bendang terbabit meminta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) mengambil tindakan segera bagi memusnahkan gondang emas yang menyerang tanaman padi mereka sejak awal musim penanaman, bulan lalu.

Ketua Unit Peladang Sri Gunong, Idris Mat Hassan, 63, berkata lebih 48 hektar bendang padi di kawasan itu diancam gondang emas yang akan mengakibatkan pengeluaran padi mereka bagi tanaman musim pertama tahun ini terjejas teruk. "Serangan gondang emas ini berlaku sejak musim lalu lagi sebelum ia kembali berulang pada musim penanaman tahun ini. Ia biasanya menyerang tanaman yang baru disemai sekitar 15 hari dengan memakan bahagian pucuk dan batang padi. "Kami sudah mengemukakan aduan kepada Kada bagi mendapatkan bekalan racun pemusnah gondang emas dan berharap pemberian racun terbabit dapat disegerakan bagi mengelak tanaman daripada terus dimusnahkan haiwan perosak itu," katanya di sini, semalam.

Idris berkata, bagi mengatasi masalah itu secara sementara, petani terpaksa mengutip gondang emas berkenaan untuk dihapuskan dan ada menghapuskannya dengan menggunakan racun dari negara jiran yang dikhuatiri boleh menjejaskan tanaman. Katanya, bendang berkenaan sebelum ini mampu mengeluarkan hasil tanaman padi sekitar lima tan sehektar, tetapi ia dijangka merosot teruk musim ini disebabkan serangan siput itu yang semakin berleluasa.

Petani bendang Cherbu, Jailani Zakaria, 33, berkata pihak berwajib khususnya Kada dirayu mengambil langkah segera bagi mengatasi masalah serangan gondang emas memandangkan sumber pendapatan petani di kawasan ini bergantung kepada hasil tanaman padi. "Sebagai petani, kami di sini hanya bergantung hidup kepada hasil pertanian, oleh itu langkah drastik perlu dilakukan bagi memastikan sumber pendapatan kami tidak terjejas. "Sebelum ini, tanaman kami pernah diserang tikus, bagaimanapun Kada berjaya mengambil tindakan segera dengan membekalkan racun tikus, racun rumput dan racun kulat," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, petani di kawasan itu sekali lagi memohon supaya tindakan segera diambil pihak Kada bagi memastikan pengeluaran padi oleh lebih 20 petani di dua bendang terbabit tidak terjejas ekoran serangan gondang emas itu.

3 Mac 2009 (Selasa)

Timur: Mara lantik kontraktor baiki dua blok baru

KUALA BERANG: Mara akan melantik kontraktor lain bagi melaksanakan kerja pembaikan blok baru asrama dan kelas di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kuala Berang bagi membolehkan pelajar menggunakan kemudahan itu dalam tempoh terdekat.

Jurucakap Mara berkata, bangunan itu tidak dapat diduduki sebelum ini kerana belum mendapat sijil layak menduduki (CF) berikutan kontraktor sebelum ini, OBE Development (M) Sdn Bhd gagal menyempurnakan pembinaannya mengikut spesifikasi yang ditetapkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bagaimanapun, katanya Mara negeri sudah mengambil tindakan susulan berhubung masalah itu dan sedang memilih kontraktor untuk menyempurnakan pembinaan bangunan itu mengikut spesifikasi yang ditetapkan bagi mengelakkan masalah sama berulang lagi.

"Kami sudah dimaklumkan berhubung masalah itu dan sedang meneliti sebut harga daripada semua kontraktor yang berminat. "Kami akan membuat pemilihan teliti bagi memastikan tidak timbul masalah seperti sekarang," katanya ketika ditemui selepas Majlis Pelancaran Gemilang SPM 2009, di MRSM Kuala Berang, petang semalam.

Beliau berkata, pihaknya menjangka kerja pembaikan dua blok itu tidak mengambil masa lama kerana 99 peratus daripada bahagian bangunan itu sudah menepati spesifikasi yang ditetapkan. "Kami percaya kerja pembaikan tidak akan mengambil masa lama kerana hanya membabitkan pembaikan pada bahagian kecil

3 Mac 2009 (Selasa)

'Patuhi arahan, dasar kerajaan'

Oleh Johari Ibrahim joib@bharian.com.my

Pekerja awam wajib laksana hasrat pemerintah ketika ekonomi lembap

PUTRAJAYA: Kakitangan awam diminta melaksanakan arahan kerajaan yang memerintah dalam usaha memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan. Katanya, menjadi tanggungjawab kakitangan awam melaksanakan dasar dan arahan kerajaan daripada parti yang memerintah secara berkesan. "Sistem penyampaian perkhidmatan awam dan penambahbaikannya adalah faktor penting yang perlu diberi perhatian dalam kelembapan ekonomi sekarang," katanya.

Katanya, kakitangan awam juga tidak wajar berpuas hati dengan pencapaian positif ekonomi negara ketika negara lain menerima kesan buruk, sebaliknya perlu terus membuat persediaan terutama melaksanakan perbelanjaan berhemah.

"Saya mahu kita laksanakan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan jujur dan ikhlas untuk kepentingan rakyat sekali gus menjadi penjawat awam yang cemerlang, gemilang dan terbilang," katanya pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, semalam.

Katanya, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang sepatutnya berucap pada perhimpunan itu tidak dapat berbuat demikian kerana 'hilang suara'. Beliau berkata, pertumbuhan ekonomi negara berkait rapat dengan prestasi perdagangan dengan negara luar sekali gus memerlukan sektor awam memperkemaskan diri menghadapi situasi sukar sekarang. Katanya, agensi di bawah JPM mencatat pembayaran dalam tempoh 14 hari 99.9 peratus, manakala 97 peratus pembayaran dalam tempoh sembilan hari.

3 Mac 2009 (Selasa)

Laporan kewangan perlu dihantar sebelum Mei



AMBRIN (kanan) mendengar penerangan Che Mohd Shukri mengenai model Jabatan Audit Negara cawangan Pahang di Kuantan, semalam.

KUANTAN: Semua kementerian, jabatan, agensi kerajaan, badan berkanun dan kerajaan negeri diminta menghantar laporan penyata kewangan kepada Jabatan Audit Negara, selewat-lewatnya bulan depan. Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata ia bagi membolehkan jabatan itu mempunyai masa membuat pengauditan terperinci. Beliau berkata, penyata kewangan yang perlu diaudit patut diserahkan mengikut jadual bagi melancarkan membentangkan Laporan Ketua Audit Negara 2008 di Parlimen, Ogos ini. Katanya, hanya Pulau Pinang dan Terengganu sudah menghantar penyata kewangan. "Saya harap semua pihak memberi kerjasama dan mengemukakan penyata kewangan sebelum hujung bulan depan. "Jika akaun penyata kewangan dan dokumen sokongan untuk diaudit dapat direkod dengan baik, maka tiada masalah untuk dikemukakan kepada kita dalam tempoh ditetapkan," katanya selepas melancarkan projek pembinaan bangunan baru Jabatan Audit Negara cawangan Pahang, di sini semalam. Hadir sama timbalannya, Anwari Suri dan Pengarah Jabatan Audit Negara cawangan negeri ini, Che Mohd Shukri Che Hassan.

Bangunan Jabatan Audit Negara cawangan Pahang berkonsepkan seni bina Islam itu dibina di kawasan seluas 1.2 hektar di Bandar Indera Mahkota, di sini dengan kos RM13 juta dan dijangka siap pertengahan tahun depan. Ambrin juga berkata, selain Pahang, pihaknya akan memiliki bangunan baru di Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Kelantan, Melaka dan Terengganu sebelum

berakhirnya tempoh Rancangan Malaysia Ke-sembilan (RMK-9). Katanya, bangunan Jabatan Audit Negara cawangan Perak dijangka siap Julai ini, manakala Jabatan Kerja Raya (JKR) sudah mengeluarkan tender melantik kontraktor bagi pembinaan di Selangor, Negeri Sembilan, Kelantan dan Melaka. "Kita sudah selesai mengenal pasti tapak bangunan baru di Terengganu dan ia akan dibina dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10). "Malah, kita sendiri akan melakukan pengauditan rapi serta memantau setiap projek berkenaan bagi memastikan tidak berlaku kelewatan, selain kenaikan kos mendadak dan kualitinya mematuhi piawaian yang ditetapkan," katanya.

3 Mac 2009 (Selasa)

Rencana - Bersemuka: Memastikan kelancaran sistem bekalan air negara

Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Shaziman Abu Mansor



Kebajikan, keselesaan pengguna tetap diutamakan berikutan pengambilalihan sumber peringkat Pusat. Sejak kebelakangan ini, isu pengambilalihan sumber air di negeri-negeri khususnya di Selangor semakin hangat dibincangkan. Puncak Niaga Holdings Berhad (Puncak) menolak tawaran pengambilalihan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd (Puncak Niaga) yang dikemukakan kerajaan Selangor berikutan harga tawaran terlalu rendah, iaitu RM1.61 bilion. Serentak itu, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) turut menolak tawaran sama dikemukakan kerajaan Selangor. Kerajaan Pusat menerusi Pengurusan Aset Air Bhd (PAAB) hanya mahu mengambil aset dan liabiliti daripada syarikat konsesi itu, bagi meringankan beban syarikat konsesi dengan harapan harga air tidak membebankan pengguna.

Kerajaan Pusat menerusi Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi sudah memberi masa mencukupi untuk kerajaan Selangor memuktamadkan perjanjian bersama empat syarikat konsesi air, termasuk Konsortium Abass Sdn Bhd (Abass) dan Syarikat Pengeluaran Air Selangor Holdings Bhd (Splash), tetapi tiada keputusan. Berikutan itu, Kerajaan Pusat tidak kisah sama ada dikekalkan keadaan sedia ada, iaitu Syabas terus beroperasi seperti sedia kala atau kerajaan Selangor menerusi anak syarikatnya untuk menambah ekuiti dalam empat syarikat terbabit, tetapi ia mahu harga air tidak membebankan pengguna. Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Shaziman Abu Mansor, dalam satu pertemuan menjelaskan lebih lanjut kepada wartawan Berita Harian, KADIR DIKOH dan HASLIZA HASSAN.

APA masalah sebenarnya hingga timbul bagaimana satu konflik dalam penstrukturan semula perkhidmatan air di Selangor?

Saya sudah minta Menteri Besar Selangor (Tan Sri Khalid Ibrahim) supaya isu air ini tidak dipolitikkan. Untuk pengetahuan semua, terutama pengguna, PAAB hanya ingin mengambil aset daripada konsesi sejajar dengan pelan untuk melesenkan syarikat yang menjalankan operasi air negara kita. Pada masa sama, kerajaan tidak akan masuk campur jika kerajaan negeri ingin menambah ekuiti dalam syarikat konsesi seperti Syabas, Puncak Niaga, Abass atau Splash asalkan harganya munasabah, tidak membebankan pengguna dan menjaga kepentingan industri air dan negara.

Katakan selepas ini kerajaan negeri melalui anak syarikatnya, Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) nak tambah saham dalam syarikat terbabit, dia boleh terus runding walaupun selepas 31 Mac kerana urusan itu tiada had masa. Dalam kes Selangor ini, dari segi kemampuan kewangan untuk operasi hari-hari seperti membayar air mentah dan buat rawatan, memang mereka ada kemampuan tetapi jika diminta membuat penyelenggaraan yang besar, mereka tidak mampu melakukannya. Sebab itu pendekatan kita ialah biar syarikat konsesi buat operasi dan penyelenggaraan. Selain aset yang dicadangkan, kerajaan negeri juga mencadangkan PAAB mengambil sekali aset mereka berjumlah RM9.7 bilion. Cara mereka kira ialah termasuk harga tangki dan sebagainya.

Bila juruaudit bebas kita buat, aset itu cuma bernilai RM1.1 bilion. Tumpuan kementerian hanya kepada aset konsesi bukan aset kerajaan negeri kerana matlamat kita ialah membantu syarikat operasi mengurangkan bayaran pinjaman dan melanjutkan tempoh pembayaran lebih lama yang akhirnya akan menurunkan tarif demi manfaat pengguna. Jadi, isu aset kerajaan negeri tidak relevan dalam hal ini, malangnya ia menimbulkan konflik. Itu pada hemat kementerian. Selain itu, mungkin kerajaan Selangor boleh beri jawapan. Lagipun, kementerian belum buat tawaran lagi.

Dari segi prinsip aset, kementerian akan nilai berdasarkan nilai buku oleh juruaudit bebas, berapa harga aset itu yang sesuai dan syarikat konsesi juga boleh ada juruauditnya sendiri, begitu juga PAAB. Kerajaan negeri juga digalakkan menghantar wakil di dalam perundingan ini. Dengan kata lain kerajaan negeri tidak akan dipinggirkan dalam sebarang rundingan. Baru-baru ini Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim mendakwa tindakan kementerian mengarahkan PAAB mengadakan pertemuan dengan syarikat konsesi air bukan saja membelakangkan kerajaan negeri, malah tindakan sabotaj terhadap usaha perbincangan kerajaan negeri dengan syarikat berkenaan.

Apa komen Datuk?

Apa yang berlaku ialah kerajaan Selangor hari ini bertanya kenapa kementerian tidak beri peluang kepada mereka berunding dengan syarikat konsesi air. Sukacita ingin saya maklumkan, sebenarnya kementerian sudah beri kerajaan Selangor peluang untuk berunding sejak September tahun lalu lagi. Kali pertama sepatutnya mereka memberi maklum balas hasil perbincangan itu kepada kementerian pada 19 September 2008 tetapi kerajaan Selangor menghantar surat meminda tarikh berkenaan. Hakikatnya tarikh memberi jawapan kepada

kementerian sudah dipinda empat kali, iaitu kedua pada 31 Disember 2008, kemudian 15 Januari 2009 dan terakhir ialah 14 Februari 2009.

Pada awalnya Menteri Besar Selangor ada menghantar surat meminta kementerian menjadi peneraju dalam rundingan isu bekalan air Selangor tetapi kemudian kerajaan negeri memaklumkan sedia menawarkan harga murah. Oleh itu, kementerian beri peluang kerajaan negeri tawarkan kerana kita memang telus. Bagi kementerian apa yang baik untuk pengguna adalah matlamat utama. Kerajaan negeri berjanji akan buat tawaran seminggu selepas 19 September tetapi selepas seminggu tiada sebarang penawaran dibuat. Itu yang berlaku pertukaran tarikh.

Malah, tarikh terakhir diminta iaitu 14 Februari juga adalah persetujuan dicapai pada mesyuarat bertarikh 30 Januari yang dihadiri wakil kerajaan Selangor dan kementerian, iaitu untuk kerajaan negeri beri jawapan kepada kementerian. Apa yang berlaku, kerajaan Selangor buat penawaran pada 13 Februari, kemudian kata kementerian tidak bagi peluang. Kementerian sudah beri masa hampir tujuh bulan, jadi untuk kata kementerian sabotaj atau tidak beri peluang kepada kerajaan negeri, itu tidak munasabah kerana kita sudah beri masa lebih daripada cukup dan mereka tidak melakukan apa-apa.

Kenapa kementerian tidak boleh beri masa lagi jika benar kerajaan Selangor sudah buat penawaran pada 13 Februari lalu?

Kementerian ada sebab kenapa kita tidak boleh lanjutkan lagi masa kerana pertama, syarikat yang menjalankan operasi perkhidmatan air ini hanya mampu membayar kos air mentah tetapi jika ada kerosakan mereka tidak mampu kendalikan. Syarikat konsesi juga ada pinjaman daripada bon dan sebagainya, dan jika mereka tidak mampu bayar pinjaman atau bon, ia akan beri kesan kepada syarikat serta menjejaskan imej industri pada masa akan datang. Katakanlah kita lanjutkan lagi tempoh dan berlaku kerosakan seperti paip pecah yang membekalkan air seperti berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan kabel pecah di Pulau Ketam, syarikat menjalankan operasi tidak ada kemampuan.

Oleh itu, kita tidak mahu buang masa kerana tidak mahu lebih banyak masalah timbul nanti kerana yang akan mendapat kesannya ialah pengguna. Lagi satu, pemegang bon tahu setiap tiga tahun sekali tarif air akan naik dan sepatutnya Januari baru-baru ini tarif dinaikkan tetapi tiba-tiba tidak jadi naik. Sebab itu kita tidak boleh tangguh lagi. Pada masa sama dan pada masa akan datang, kerajaan negeri Selangor akan dijemput menghantar wakil dalam setiap rundingan. Adakah ini sabotaj?

Katalah keadaan sedia ada dikekalkan, tidak perlu kepada penstrukturan semula perkhidmatan air di Selangor ini. Apa akan jadi?

Tidak ada masalah, cuma kita perlu faham tujuan PAAB ambil aset itu ialah jika dibiarkan seperti sekarang, syarikat operasi perlu membayar pinjaman untuk 15 tahun. Ini bermakna mereka perlu bayar banyak dan apabila bayar banyak, untuk menampung ialah melalui tarif air, jadi tarif air tinggi. Sebaliknya, apabila aset dipindahkan kepada PAAB, syarikat operasi boleh

memanjangkan tempoh bayaran pinjaman kepada 30 tahun, yang kementerian cadangkan dan ini akan mengurangkan bayaran sewa. Jadi, sikit bayar maka tarif tidak tinggi dan pengguna pun bayar sikit.

Tidak mengapa jika tidak mahu pindah tetapi pinjaman pembiayaan murah hanya diperoleh dengan sokongan Kerajaan Pusat. Jika tidak mahu memilih mekanisme PAAB, iaitu memindahkan aset bekalan air, mereka perlu mendapatkan perbelanjaan sendiri. Pindahan itu bukan jual tetapi PAAB ambil dan sewakan kembali dengan tempoh bayaran yang panjang dan jumlah bayaran kurang. Itu tujuan asal PAAB dan keuntungan syarikat operasi juga akan dikawal oleh Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Apa kelebihan pelan penstrukturan semula yang diperkenalkan Kerajaan Pusat melalui PAAB?

Pada 2005, kementerian minta air berada dalam senarai bersama, maknanya air di bawah kerajaan negeri dan pusat. Dari segi perkhidmatan ia di bawah Kerajaan Pusat dan sumber air mentah pula di bawah kerajaan negeri. Sebab utama Kerajaan Pusat buat macam itu kerana kita sedar majoriti semua negeri ada masalah kerana modal sedia ada tidak mapan dan mereka kata tidak boleh bayar hutang. Hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Pusat pada 2005 ialah kira-kira RM7 bilion. Oleh itu, kementerian putuskan untuk tukar modal industri air di mana PAAB mengambil alih pengurusan aset dan tanggungan kewangan serta bertanggungjawab bagi pembiayaan sebarang CAPEX (perbelanjaan modal) pada masa depan. Dengan kaedah itu, kerajaan negeri akan bebas daripada beban membayar balik pinjaman bekalan air kepada Kerajaan Persekutuan dan tidak perlu mengambil pinjaman baru untuk membangunkan infrastruktur bekalan air baru. Seperti Selangor, konsesi banyak lagi.

Terpulang kepada pemain untuk migrasi sepenuhnya atau kekal habiskan konsesi. Jika tidak pindah, syarikat tidak dapat kemudahan. Walaupun pemain tidak berpindah, mereka tetap akan dikawal selia oleh SPAN yang bertanggungjawab ke atas perkhidmatan bekalan air dan pemetungan. SPAN juga akan memastikan produktiviti perkhidmatan bekalan air dan pemetungan serta memantau pematuhan pengendali terhadap piawaian perkhidmatan. Saya ingin memberi jaminan bahawa suara pengguna tidak diketepikan. Antara elemen SPAN ialah Forum Air yang anggotanya adalah daripada pihak pengguna. Apabila SPAN ingin mengambil tindakan seperti menaikkan harga, suara pengguna akan memberi pandangan. Ini secara tidak langsung akan melindungi hak pengguna. Jika kadar tarif air hendak dinaikkan, pemain mesti menerangkan secara terperinci kepada kementerian dan pengguna.

Ada kata jika ikut Kerajaan Pusat harga air lebih tinggi daripada yang ditawarkan kerajaan negeri?

Saya tidak nampak kerajaan negeri boleh jual air lebih murah daripada Kerajaan Pusat. PAAB masuk untuk ambil aset penting kerana ia terikat dengan pinjaman. PAAB dapat membiayai pinjaman lebih murah dengan tempoh bayaran yang panjang. Apabila ini berlaku, tekanan pada tarif makin rendah. Kita nak pastikan tarif tidak membebankan pengguna kerana apa juga

tindakan yang kita ambil, keutamaan kita adalah kepentingan pengguna. Cadangan kerajaan negeri untuk mengambil aset daripada pihak syarikat konsesi akhirnya dijual semula aset ini kepada Kerajaan Pusat juga, iaitu PAAB.

Di samping itu, kerajaan negeri juga mencadangkan aset airnya dibeli dengan harga yang tinggi. Harga yang tinggi ini pastinya akan membebankan Kerajaan Pusat seterusnya pengguna kerana aset ini juga akan disewakan semula kepada syarikat yang mengendalikan operasi air di Selangor. Pada masa sama, siapa saja yang mengendalikan operasi air di negeri Selangor, ia hendaklah mematuhi piawaian yang ditetapkan badan kawal selia iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang bertanggungjawab menentukan tahap kecekapan, tarif air dan kualiti air di Selangor dan seluruh Semenanjung.

3 Mac 2009 (Selasa)

Sentral: 'Bukan runtuh kali pertama'

Oleh Ziauddin Sharuddin dan Hussain Said bhnews@bharian.com.my



MUSTAFA (kiri) meninjau tanah runtuh di belakang rumah Abu Bakar di Rumah Rakyat Panchor, Seremban.

MPS bersih kawasan guna tangan disebabkan rumah dekat tebing bukit

SEREMBAN: Ini bukan kali pertama sejak penduduk mendiami kawasan itu 25 tahun lalu, namun malam Ahad lalu apa yang sebelum ini kecil bertukar menjadi runtuh tanah yang agak teruk. Inilah masalah yang dialami lapan pemilik Rumah Rakyat Panchor, dekat sini apabila tanah runtuh menimpa bahagian belakang kediaman masing-masing berikutan hujan lebat, malam Ahad lalu. Dalam kejadian kira-kira jam 9 malam itu, sebahagian dapur rumah mangsa rosak akibat runtuh tanah dari bukit yang hanya terletak kira-kira tiga meter daripada kediaman mereka.

Seorang pemilik rumah, Abu Bakar Tamin, 66, berkata runtuh tanah daripada belakang rumahnya menyebabkan dapurnya rosak dan dimasuki tanah tetapi bernasib baik kejadian itu tidak mencederakan keluarganya. "Keadaan amat teruk dan ia mungkin bertambah teruk sekiranya berlaku hujan. Saya berharap pihak berkuasa memberi perhatian terhadap masalah yang kami hadapi," katanya ketika ditemui di rumahnya, petang kelmarin.

Seorang lagi penduduk, Razali Ahmad, 52, berkata kejadian itu bukan kali pertama sejak dia menetap di situ kira-kira 25 tahun lalu. "Saya terpaksa berjaga sampai jam 2 pagi kerana takut tanah itu runtuh dan menimpa rumah. "Saya menyedari kejadian itu ketika sedang bersiap untuk makan malam bersama keluarga dan dipercayai berpunca akibat hujan lebat beberapa jam sebelum itu," katanya.

Razali berkata, dia sudah memaklumkan kejadian itu kepada pihak berkuasa dan berharap mereka mengambil langkah segera bagi mengelak kejadian lebih buruk termasuk membabitkan kehilangan nyawa. Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lenggeng, Mustaffa Salim, berkata Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, mengarahkan Majlis Perbandaran Seremban (MPS) segera memberi bantuan kepada penduduk terbabit, terutama dari segi keselamatan. Sehubungan itu, katanya MPS melantik satu kontraktor untuk menjalankan kerja pembersihan yang dijangka selesai dalam tempoh seminggu.

"Oleh kerana kedudukan rumah terlalu hampir dengan tebing bukit, kerja pembersihan terpaksa dilakukan menggunakan tangan kerana lori tidak boleh memasuki kawasan itu," katanya selepas melawat tempat kejadian, semalam. Turut hadir Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban (MPS), Datuk Abd Halim Abd Latif.

Mustaffa berkata, beliau bersama Abd Halim pergi ke tempat kejadian pada malam itu, tetapi tidak banyak yang boleh dilakukan kerana keadaan gelap. Sehubungan itu, katanya kerja pembersihan yang dijalankan mulai semalam dapat menjamin keselamatan penduduk tidak terancam kerana tanah runtuh terlalu hampir di belakang rumah masing-masing.

Beliau berkata, kedudukan rumah terbabit asalnya tidak terlalu dekat dengan tebing bukit, tetapi kerja pembesaran belakang rumah menyebabkan kedudukan rumah menjadi begitu. Selepas kerja pembersihan selesai, katanya MPS akan menentukan tindakan selanjutnya yang akan diambil untuk mengelakkan kejadian itu berulang seperti membina longkang di atas bukit.

4 Mac 2009 (Rabu)

Sabah&Sarawak: Menggatal kurang perhatian PBT

Oleh Mohd Izham Unnip Abdullah bhnews@bharian.com.my

Kemudahan asas di pekan 20 kilometer dari Kota Kinabalu tidak dijaga

KOTA KINABALU: Walaupun berada dalam kawasan bandar raya, pekan Menggatal, kira-kira 20 kilometer dari sini tidak menunjukkan imej bandar raya berikutan keadaan sebahagian kawasannya kurang dipelihara. Pekan kecil di pinggir bandar raya yang berfungsi sebagai lokasi pemasaran produk pertanian itu masih kurang menerima pembangunan, menyebabkan keadaannya tidak banyak berubah sejak ibu negeri ini dinaikkan taraf sebagai bandar raya sembilan tahun lalu. Ini kerana pekan kecil itu seolah-olah kurang diberi perhatian oleh pihak

berkuasa tempatan (PBT), menyebabkan tahap kebersihan, keindahan dan penyelenggaraan kemudahan awamnya seolah-olah terabai.

Tinjauan Berita Harian di pekan itu semalam mendapati, kawasan lapang dan kaki lima di beberapa bangunan kedai dua tingkat di bahagian hujung pekan itu sudah usang, manakala kemudahan awam seperti tempat duduk konkrit sudah banyak yang pecah dan tidak boleh digunakan lagi. Struktur lantai yang disusun dengan kepingan konkrit empat segi juga tidak lagi dalam keadaan rata dengan sesetengahnya sudah pecah akibat akar pokok.

Seorang penduduk, John Gomut, 45, berkata keadaan itu sudah berlarutan sejak beberapa tahun lalu berikutan kegagalan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) membaiki kerosakan dan menjalankan kerja penyelenggaraan. "Sebahagian besar kedai di kawasan ini sudah ditutup kerana kurang pengunjung. Mungkin disebabkan keadaan itu DBKK kurang menghiraukan aspek keceriaan di kawasan ini. "Sekali sekala ada pekerja DBKK membersihkan kawasan ini tetapi kemudahan awam dan keadaan landskapnya tidak menarik kerana tidak diselenggara dengan sempurna," katanya.

Beliau berkata, kawasan lapang di pekan itu dijadikan tempat menyimpan gerai peniaga pasar malam, selain digunakan syarikat kontraktor untuk meletak bahan binaan seperti besi. Katanya, DBKK perlu mengambil berat keadaan itu bagi memastikan aspek keceriaan dan kemudahan awam di pekan itu ditingkatkan semula demi keselesaan orang ramai, selain meningkatkan imejnya. "Saya minta lebih banyak kemudahan awam disediakan di kawasan ini. Saya yakin jika semua kawasan di pekan ini terjaga, lebih banyak peluang perniagaan mampu diwujudkan dan orang ramai lebih selesa berkunjung ke pekan ini," katanya.

John berkata, DBKK perlu merancang program pembangunan di pekan itu bagi menjadikannya pekan yang maju seiring kemajuan di pekan lain.

4 Mac 2009 (Rabu)

Utara: Fama cari strategi baru popularkan 'raja buah'

PADANG BESAR: Buah durian yang terkenal dengan jolokan 'raja buah' kini semakin hilang populariti dan daya tarikannya, terutama di kalangan warga muda, kata Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Datuk Mohamed Shariff Abdul Aziz. Pengesahan itu dibuat Mohamed Shariff berdasarkan hasil kajian terbaru dibuat Fama baru-baru ini, yang membuktikan tarikan durian di kalangan golongan muda, terutama mereka yang berusia lingkungan 20 tahun ke bawah, amat rendah. Justeru, katanya, Fama kini sedang dalam proses menambah nilai buah itu termasuk menjalankan promosi secara agresif untuk mengembalikan kegemilangan durian sebelum buah berkenaan kehilangan 'takhtanya'.

Ini katanya, termasuk cubaan memproses isi durian untuk dieksport dalam bentuk sejuk beku ke beberapa negara seperti China, Taiwan, Hong Kong dan Australia, termasuk untuk dijadikan jus atau bahan perisa. "Sehingga kini, sambutan yang diterima terhadap hasil produk terbabit

amat menggalakkan, walaupun ia terpaksa bersaing dengan beberapa produk lain termasuk hasil produk buah-buahan moden seperti buah naga serta buah import yang lain.

"Malah, kita yakin jika pelan pemasaran dan suntikan nilai tambah yang diberikan terhadap hasil durian bertepatan, sambutan hangat terhadap buah itu terutama di pasaran luar dapat diwujudkan, sekali gus melenyapkan masalah pemasaran yang dihadapi di negara ini," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis menandatangani kontrak pemasaran mempelam sala antara Fama dan peserta projek kelompok mempelam Chuping di Dewan Orang Ramai Kampung Panggas Baru, dekat sini. Hadir sama, Pengarah Fama Wilayah Utara, Mohd Ariffin Awang. Sementara itu, Mohamed Sharif ketika diminta mengulas mengenai hasil kajian berkenaan, berkata walaupun tahap penggunaan durian di negara ini amat rendah di kalangan golongan muda, tetapi popularitinya masih tinggi terutama bagi mereka yang berusia 50 tahun ke atas.

Apa pun, katanya, Fama kini sedang dalam proses mempromosikan bukan saja durian, tetapi semua buah-buahan tempatan lain di kalangan golongan muda terutama pelajar sekolah, untuk memastikan mereka sedar buah tempatan mempunyai nilai serta kelebihan zat yang tinggi berbanding buah import. "Selain itu, kita juga giat menjalankan kempen kesedaran termasuk menggalakkan pemakanan buah-buahan tempatan di semua lokasi tumpuan, termasuk di kawasan rehat dan rawat (R&R).

"Malah, Fama juga bercadang menganjurkan sekurang-kurangnya empat kempen kesedaran berbentuk sama setahun di setiap negeri, dengan sasaran minimum penganjuran kira-kira 100 kempen di seluruh negara. Itu tidak termasuk kempen jualan terus di semua 500 gerai buah-buahan segar yang diyakini mampu meningkatkan tahap populariti buah-buahan tempatan," katanya.

4 Mac 2009 (Rabu)

Cadangan wujud kolej untuk Tingkatan Enam

Oleh Ahmad Naim Tahir, Syuhada Choo Abdullah dan Norliza Wasilan

Jawatan Timbalan Pengetua Gred DG54 akan diperkenal

KUALA LUMPUR: Kerajaan bercadang mewujudkan sekolah khas atau kolej Tingkatan Enam, sekali gus memperkenalkan jawatan Timbalan Pengetua pada Gred DG54 di institusi pendidikan berkenaan dalam usaha melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan negara. Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Dr Wee Ka Siong, berkata selain menempatkan pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak dapat memasuki Kolej Matrikulasi atau institusi pengajian tinggi awam (IPTA), langkah itu bertujuan meningkatkan kualiti sistem pentaksiran Tingkatan

Enam. Langkah itu yang dilaksanakan melalui Majlis Peperiksaan Malaysia, katanya, sejajar hala tuju Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan.

Beliau berkata, menerusi cadangan itu, kerajaan akan menyediakan prasarana selain meningkatkan mutu tenaga pengajar Tingkatan Enam daripada Gred DG41 kepada DG48 dan DG52 seperti pensyarah Kolej Matrikulasi. Sambil menjelaskan pelajar Tingkatan Enam adalah 'pelajar dewasa', beliau berkata, penggubalan kurikulum untuk mereka pula perlu mengambil kira aspek pengembangan kemahiran kognitif aras tinggi. "Kementerian Pelajaran sedang menyediakan kertas cadangan untuk mewujudkan sekolah khas atau kolej Tingkatan Enam. Saya berharap pihak berkenaan, terutama Perbendaharaan merestui cadangan ini," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Abdul Manan Ismail (BN-Paya Besar) berhubung penempatan lulusan cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia yang tidak dapat memasuki Kolej Matrikulasi atau IPTA. Menjawab soalan asal Abdul Manan, Wee berkata, kurikulum Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) setaraf Program Matrikulasi yang membolehkan lepasan peperiksaan itu memohon tempat di universiti. Katanya, sukatan pelajaran dan soalan peperiksaan STPM berdasarkan tanda aras dengan badan peperiksaan peringkat antarabangsa, malah setaraf Cambridge A Level yang membolehkan sijil itu diterima universiti luar negara.

"Usaha melaksanakan misi ini membabitkan perubahan yang radikal dalam sistem pengukuran dan penilaian pendidikan. Antaranya merombak sistem peperiksaan STPM daripada sistem terminal kepada sistem modular. "Ia untuk memenuhi jangkaan pengguna sesuai dengan keperluan pendidikan semasa dan masa depan. Sejalan hala tuju ini, sukatan pelajaran semua mata pelajaran sedang digubal semula untuk disesuaikan dengan sistem modular," katanya.

Kepada soalan tambahan Mohd Yusmadi Mohd Yusoff (PKR-Balik Pulau), Wee berkata, langkah mewujudkan sekolah khas Tingkatan Enam penting untuk mengekalkan pelajar cemerlang di Malaysia, sekali gus meningkatkan kualiti pendidikan negara.

5 Mac 2009 (Khamis)

Ekonomi - Projek pakej rangsangan pertama giat dilaksana

PROJEK di bawah pakej rangsangan bernilai RM7 bilion yang diumumkan November lalu sedang rancak dilaksanakan di seluruh negara, termasuk di kawasan yang dikuasai pembangkang dengan RM5.29 bilion atau 76 peratus daripada dana dalam pakej itu sudah diagihkan. Ketua Pegawai Operasi Unit Pengurusan Projek (PMU) di Kementerian Kewangan, Datuk Mohd Othman Zainal Azim, berkata dana berkenaan diagihkan bagi melaksanakan untuk kira-kira 38,000 projek yang memberikan manfaat, terutama kepada kontraktor Kelas F.

Beliau berkata, pakej itu telah dapat mewujudkan permintaan dan penawaran dalam ekonomi, mengekalkan pekerjaan dan merangsang sektor perumahan serta infrastruktur dalam usaha merangsang ekonomi negara yang kini terjejas oleh kemelesetan ekonomi dunia. "Kesan

sepenuhnya pakej rangsangan RM7 bilion itu diharapkan dapat dirasai pada Mei, dengan menyumbang satu peratus kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara,” katanya.

Beliau berkata, antara peruntukan terbesar adalah untuk pembinaan rumah dan jalan di kampung dan kawasan luar bandar. Semua 38,000 projek itu, katanya dijangka dilaksanakan pada akhir April dan siap pada Ogos.

“Ogos adalah masa ditetapkan dan kami akan berusaha untuk mencapainya,” katanya pada taklimat media di Putrajaya semalam. PMU, unit di bawah Kementerian Kewangan, ditubuhkan untuk menyelia dan mengurus pengagihan dana dan kerja di bawah pakej rangsangan yang dibentangkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Dewan Rakyat pada November tahun lalu.

Najib yang juga Menteri Kewangan akan membentangkan pakej rangsangan kedua, yang lebih menyeluruh dan lebih besar pada 10 Mac ini. Projek di bawah pakej RM7 bilion itu dibahagikan kepada tiga kategori, dengan RM2.6 bilion diperuntukkan untuk Menjamin Kesejahteraan Rakyat, RM1 bilion untuk Membangunkan Modal Insan Berkualiti dan RM3.4 bilion untuk Memperkukuhkan Daya Tahan Negara.

Mohd Othman berkata, pelbagai kementerian yang terbabit dalam projek itu amat responsif dalam menggunakan sumber yang mana 10,000 projek dilaksanakan membabitkan RM940 juta. “Menjelang September, sekurang-kurangnya 90 peratus daripada RM7 bilion itu dibelanjakan,” katanya. Beliau berkata, setiap minggu, tender diberikan dengan PMU memantau kemajuan bagi memastikan wang itu dibelanjakan.

Pengagihan wang berkenaan dianggap sebagai program segera dan unit itu telah mengenal pasti dan di mana mungkin, menghapuskan halangan. Berbanding masa biasa, masa diambil untuk mengagihkan dana itu dikurangkan. “Kami cuba mengurangkan proses masa dan masa yang ditetapkan yang kami berikan kepada kementerian adalah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) mereka,” katanya.

Beliau berkata, ini akan menghasilkan kepantasan yang mana dalam proses berkenaan akan merangsang aktiviti ekonomi. “Pada akhir Mac, kami menjangka sekurang-kurangnya RM2 bilion diagihkan. Walaupun pembayaran mungkin dalam masa dua atau tiga bulan kemudian, permintaan (untuk projek) telah diwujudkan kerana kontraktor perlu mendapatkan perkakasan, bahan dan jentera,” katanya. - Bernama

5 Mac 2009 (Khamis)

Had 10 tahun sewa premis Mara



NOH bersama Exco Pelaburan Perlis, Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail (kiri) melihat produk dipamerkan di Plaza Kangar selepas merasmikan bangunan itu, semalam.

KANGAR: Majlis Amanah Rakyat (Mara) akan memperkenalkan dasar baru dikenali 'exit policy' dengan jangkamasa sewaan untuk semua lot premis perniagaan di bangunan miliknya dihadkan bagi tempoh maksimum 10 tahun, mulai tahun ini. Bagaimanapun, bagi penyewa yang dianggap tonggak dan mempunyai daya tarikan utama sesebuah bangunan diberi kelonggaran sewaan maksimum sehingga 20 tahun. Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Noh Omar, berkata dasar baru itu bukan bertujuan menyusahkan usahawan Bumiputera, tetapi sebagai sasaran jangka waktu termasuk cabaran kepada mereka dalam menentukan tahap perkembangan serta daya saing perniagaan diusahakan.

Beliau berkata, melalui dasar itu penyewa diberikan tempoh maksimum 10 tahun menggunakan kelebihan dan kemudahan disediakan Mara terutama ruang niaga yang selesa dengan harga murah, sebelum berpindah ke premis lebih berdaya saing. Katanya, 10 tahun dianggap cukup untuk membuktikan perniagaan diusahakan boleh mencapai kemajuan. "Jika dalam tempoh itu tiada kemajuan dicapai, ia membuktikan perniagaan itu berdepan masalah," katanya selepas merasmikan Plaza Kangar, di sini, semalam.

Sementara itu, Noh berkata, semua bangunan Mara di seluruh negara akan dijenamakan semula dengan konsep baru dan terkini. Selain itu, katanya, semua bangunan milik Mara juga akan digred mengikut potensi dan tarikan dengan bangunan berstatus dua bintang ke bawah akan diswastakan pengurusannya untuk ditukar sama ada menjadi hotel murah, pusat pengajian atau pusat teknologi maklumat (IT).

"Beberapa bangunan sudah melalui penswastaaan pengurusan. Sebagai contoh, bangunan Mara di Klang, Selangor kini diubah imej kepada hotel murah, manakala dua lagi bangunan milik Mara di Anggerik Mall Shah Alam dan di Jalan Gurney, Kuala Lumpur, masing-masing diubah imej kepada pusat IT dan pusat produk kesihatan," katanya.

5 Mac 2009 (Khamis)

GLC lewat bayar punca kontraktor gulung tikar

Laporan Ahmad Naim Tahir, Syuhada Choo Abdullah dan Norliza Wasilan

PAC dedah bayaran dibuat antara 6 bulan hingga 3 tahun

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mendedahkan ada syarikat yang gulung tikar kerana lewat menerima bayaran antara enam bulan hingga tiga tahun daripada agensi kerajaan, termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Pengerusinya, Datuk Seri Azmi Khalid, berkata ia tidak selaras matlamat kerajaan mewujudkan pakej rangsangan dengan peruntukan besar bagi menghadapi krisis ekonomi global yang semakin meruncing. Beliau berkata, banyak pembayaran kepada kontraktor dan pembekal masih tersangkut walaupun Kabinet sudah mengarahkan bayaran dibuat dalam tempoh 30 hari daripada tarikh bil diterima.

"Kita menerima banyak aduan kontraktor dan pembekal. Dalam ekonomi gawat dan kerajaan mengeluarkan pakej rangsangan yang banyak, duitnya tidak keluar. Jadi pakej rangsangan itu tidak akan berkesan untuk membantu menangani masalah dalam pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mesyuarat PAC selama kira-kira tiga jam di Parlimen semalam yang turut dihadiri Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz. Azmi berkata, PAC tiada kuasa eksekutif tetapi akan berusaha membantu dengan memanggil agensi dan GLC terbabit untuk memberi penjelasan berhubung kelewatan pembayaran itu. Sementara itu, Azmi berkata, PAC mendapat penerangan dan taklimat daripada Zeti Akhtar mengenai ekonomi semasa negara. "Beliau memberi keyakinan cara kita menangani isu global sudah diperkenalkan lebih 10 tahun lalu. Hari ini ekonomi kita berada pada tahap amat mampu menangani masalah ini dan memberi keyakinan kepada pelabur," katanya.

Pada mesyuarat berkenaan, jawatankuasa itu turut diberikan penerangan mengenai persetujuan BNM untuk mengkaji semula hal berkaitan insurans kenderaan, termasuk keperluan mengadakan dasar lebih liberal.

5 Mac 2009 (Khamis)

Tabung Haji labur RM193.3j di Asia Pasifik

LEMBAGA Tabung Haji melabur RM193.3 juta di negara Asia Pasifik setakat ini, kebanyakannya dalam sektor komunikasi dan teknologi, industri, tenaga serta utiliti. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Dr Mashitah Ibrahim, berkata RM155 juta dilaburkan dalam syarikat tersenarai negara tertentu, manakala RM38.3 juta dalam bentuk dana. "Selain pelaburan di tanah air dan Arab Saudi, Tabung Haji melabur di Australia, Hong Kong, Singapura, Thailand, Taiwan, Filipina, China dan Korea Selatan," katanya.

Menjawab soalan Datuk Kamarul Baharin Abbas (PKR-Teluk Kemang), beliau berkata, Tabung Haji juga melabur RM1.36 bilion dalam bidang perladangan kelapa sawit di Indonesia sejak 1996. "Kita juga terbabit dalam aktiviti hiliran kelapa sawit dengan memiliki kilang penapisan minyak dengan kapasiti 1,500 tan," katanya.

Mashitah juga berkata, seperti syarikat lain, TH tidak terkecuali terkena tempas krisis ekonomi global, tetapi kerugian tidak bersifat berterusan.